

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24/08/2007

# PM: Luar bandar, Felda pusat pembangunan baru

**SEREMBAN** 23 Ogos - Kawasan luar bandar khususnya tanah rancangan Felda akan dimajukan dengan pantas sebagai pusat pembangunan baru dengan pelbagai kemudahan canggih untuk faedah penduduk, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, pembangunan secara besar-besaran itu akan melibatkan projek industri berasaskan tani, sekolah dan universiti terbaik serta jalan raya lebar seperti yang dinikmati penduduk bandar.

"Saya hendak lihat pembangunan negara kita bukan hanya ditumpukan di kawasan bandar seperti Lembah Klang dan Lembah Kinta yang sudah maju tetapi turut dibawa ke kawasan-kawasan terpencil secara besar-besaran.

"Dengan adanya kemudahan lebih baik ini anak-anak kita yang ramai di luar bandar tidak payah pergi ke bandar untuk belajar di sekolah dan universiti terbaik," katanya ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Bandar Seri Sendayan di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Hujan lebat sejurus sebelum majlis tidak menghalang kira-kira 10,000 peneroka dan penduduk sekitar kawasan itu untuk hadir mendengar amanat Perdana Menteri.

Selain pembangunan infrastruktur fizikal, kata Abdullah, kerajaan juga akan melaksanakan segera projek tanaman semula getah dan kelapa sawit jenis baru di kawasan tanah rancangan Felda.

"Pokok getah jenis baru menghasilkan susu lebih banyak selepas berusia empat setengah tahun dan boleh ditebang setelah berusia 15 hingga 20 tahun untuk dijadikan kayu rumah dan perabot manakala kelapa sawit jenis baru boleh menghasilkan minyak yang banyak," ujarinya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memuji usaha kerajaan Negeri Sembilan membina 509 banglo untuk peneroka Felda Sendayan seperti yang dijanjikan di bawah Skim Pembayaran Pampasan Tanah dan Pembangunan Felda itu.

Beliau berkata, keprihatinan kerajaan negeri membolehkan kemelut tunggakan bayaran pembelian tanah peneroka yang berlarutan selama 10 tahun sejak 1996 diselesaikan.

"Inilah kebaikan yang diperolehi oleh orang ramai sekiranya pemimpin benar-benar memberi perhatian terhadap rakyat

UM - 24/8/2007

**Saya hendak lihat pembangunan negara kita bukan hanya ditumpukan di kawasan bandar seperti Lembah Klang dan Lembah Kinta yang sudah maju tetapi turut dibawa ke kawasan-kawasan terpencil secara besar-besaran**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

dan dengan adanya kerjasama pemimpin kerajaan dan rakyat maka selesailah masalah yang kita hadapi ini.

"Ketika saya masuk tadi, saya tengok rumah banglo besar-besar. Saya teringat masa saya mula-mula beli rumah dulu setelah menjadi pegawai kerajaan. Rumah saya di Damansara dan rumah tuan di Sendayan, tetapi rumah tuan-tuan lebih besar dan harga pun lebih murah daripada apa yang saya kena bayar.

"Jadi saya rasa gembira apabila tuan-tuan dan puan-puan dapat menikmati kemudahan perumahan yang cukup baik dan tinggi mutunya. Saya akan pastikan kunci diserahkan lebih awal kerana saya rasa tuan-tuan pun tak sabar lagi nak masuk

rumah baru," katanya.

Melalui skim berkenaan, peneroka Felda Sendayan menerima pampasan antara RM450,000 dan RM685,780 seorang, tanah pertanian seluas 0.8 hektar yang bernilai RM348,480 dan satu unit banglo setingkat empat bilik di atas tanah seluas 929 meter persegi bernilai RM240,000.

Bayaran pampasan tanah kepada 'juta-wan segera' itu yang bernilai RM250 juta telah diserahkan sendiri oleh Abdullah kepada penduduk terlibat pada 23 Februari 2006.

Tanah yang dibeli oleh kerajaan Negeri Sembilan itu akan dibangunkan sebagai kawasan perindustrian baru iaitu Bandar Seri Sendayan dalam tempoh 15 hingga 20 tahun.